

PSB - Bahagian Arkib

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Sunday, 7 April, 2019 2:05 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Cabaran Sebagai Pengurus Di Syarikat Antarabangsa – Perkongsian Oleh Pengurus Infrastruktur Teknologi Maklumat, Intel Corporation



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

07 APRIL 2019 / 01 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: PPA COB

CABARAN SEBAGAI PENGURUS DI SYARIKAT ANTARABANGSA – PERKONGSIAN OLEH PENGURUS INFRASTRUKTUR TEKNOLOGI MAKLUMAT, INTEL CORPORATION



UUM ONLINE: Pengurus Infrastruktur Teknologi Maklumat, Intel Corporation, Dr. Mohgan Kalimuthu berkongsi cabaran kerjaya sebagai seorang pengurus di syarikat antarabangsa bersama pelajar Pusat Pengajian Peniagaan Islam (IBS) pada Bengkel Pemantapan Akademik dan Sahsiah Pelajar siri terakhir anjuran Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni COB (PPA COB) baru-baru ini.

Jelas beliau cabaran utama adalah berkaitan proses menyesuaikan diri di tempat kerja baharu.

"Selain itu seorang pengurus di syarikat antarabangsa juga perlu berfikiran terbuka, mengaku dan belajar kesilapan sendiri, jangan ulangi kesilapan yang sama dan memberi alasan, mengenalpasti tugas yang perlu diberi keutamaan dan kenal pasti mentor," kongsi.

Tegas beliau tugas utama seorang pekerja adalah membantu majikan mengurangkan beban kerja dan menjadi penyelesaian masalah.

"Di samping itu sebagai pekerja juga, seharusnya kita tidak boleh melibatkan diri dalam perkara yang bercanggah dengan prinsip kerja seperti, curi tulang, tidak tepati masa dan berselisih faham dengan rakan sekerja.

"Sebaliknya tanam sikap bekerja dalam kumpulan dan pastikan majikan tahu cara kita bekerja dengan melaporkan kepada majikan," ujar.

Rata-rata pelajar yang ditemui berkata, panel yang ditampilkan dalam siri bengkel ini amat berpengalaman dan berpengetahuan luas dan program berkenaan wajar diteruskan bagi menaikkan semangat dan memberi inspirasi kepada para pelajar.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
☎ 04-928 3048/3049/3052/3061
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
f Universiti Utara Malaysia (Official FB)

ANJUNG
TamuUUM



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.